

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

**HSM 316/415 - Seminar Sejarah Politik Malaysia**

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

1. Di bawah sistem politik masyarakat Melayu tradisional, soal keadilan dan kesamaan taraf manusia masih menjadi dasar utama pemikiran pemimpin-pemimpin atasannya. Setujukah anda?
2. A.C. Milner, meskipun pada asasnya menolak pandangan fungsionalisme statik yang dikemukakan oleh J.M. Gullick berhubung sumber politik Melayu pribumi, beliau sebenarnya telah memperkuatkan lagi pendekatan tersebut. Setujukah anda?
3. Sejauh manakah protes mempunyai tempat di dalam sistem politik Melayu tradisional.
4. Bincangkan bagaimanakah pengaruh Bugis dan Minangkabau mempengaruhi aliran peristiwa di alam Melayu dalam satu jangka masa yang panjang sejak kurun ke-18 hingga permulaan kurun ke-19.
5. Dengan memahami makna imperialism dan kolonialisme serta kesan-kesannya, jangka masa yang manakah yang boleh dilihat sebagai zaman peralihan penting di dalam sejarah Malaysia, 1786-1826 atau 1874?
6. Pemberontakan Mat Salleh (1895-1900) bukanlah pergerakan anti-kolonial yang moden ataupun tindakbalas kepada perubahan-perubahan baru yang diperkenalkan oleh orang Barat tetapi lebih merupakan “penentangan tradisional terhadap apa yang harus dianggap sebagai pencerobohan tradisional”. Bahaskan.

7. "Pentadbiran imperialistik Jepun dengan mekanisme persubahatan memang tidak dapat dielakkan".

Bahaskan pernyataan ini dengan merujuk kepada kedudukan orang-orang Melayu di dalam pentadbiran Jepun di Tanah Melayu dan sejauh manakah pihak pentadbiran Jepun mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap mekanisme tersebut.